

Cadangan dapat yakinkan rakyat

UM 10 JUL 2003

ALOR STAR 9 Julai— Cadangan supaya setiap calon pilihan raya mengisytiharkan harta masing-masing perlu dilihat dari sudut positif yang mampu mengembalikannya keyakinan rakyat.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata, cadangan tersebut bukan sahaja akan menunjukkan ketelusan parti tetapi juga membuktikan mereka benar-benar mahu berkhidmat untuk rakyat.

“Saya lihat cadangan ini baik kerana ia dapat menyakinkan rakyat dan menunjukkan ketelusan

kita,” katanya selepas menerima kunjungan Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy di Wisma Darulaman hari ini.

Syed Razak yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Majlis Tertinggi (MT) UMNO akan mempertimbangkan cadangan supaya setiap anggota parti yang dicalonkan untuk pilihan raya akan datang mengisytiharkan harta masing-masing.

putusan sama ada mahu meneruskan cadangan mewajibkan syarat tersebut atau tidak kepada pucuk pimpinan.

Sementara itu, Kong Choy berkata, MCA tidak mempunyai halangan untuk mengikuti langkah UMNO sekiranya keputusan tersebut diputuskan dalam mesyuarat Barisan Nasional (BN).

“Jika keputusannya telah dibuat dalam mesyuarat tertinggi BN, kita akan ikut. Saya fikir ini satu cadangan yang baik,” kata beliau yang merupakan Timbalan Presiden MCA.

Syed Razak bagaimanapun menyerahkan ke-